

2,170 tan bahan buangan dibuang ke sungai

KUALA LUMPUR – Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengesan sebanyak 2,170 tan bahan buangan dibuang ke dalam sungai setiap hari di seluruh negara sepanjang tahun lalu.

Ketua Pengarahnya, Datuk Halimah Hassan berkata, bahan buangan itu terdiri daripada tiga parameter pencemaran iaitu Keperluan Oksigen Biokimikal (BOD), Pepejal Terampai (SS) dan Ammoniakal Nitrogen (AN) yang menjadi punca

kepada kemerosotan kualiti air sungai di seluruh negara.

“BOD yang dijana atau dilepaskan tahun lalu adalah sebanyak 762 tan sehari, meningkat sebanyak 0.5 peratus berbanding pada 2013 iaitu 758 tan sehari.

“Anggaran SS yang dilepaskan pula adalah sebanyak 1,170 tan sehari manakala bahan



HALIMAH

buangan AN mencatatkan sebanyak 238 tan sehari,” katanya ketika memetik Laporan Kualiti Alam Sekitar Malaysia 2014 baru-baru ini.

Menurut Halimah, bahan buangan daripada sisa kumbahan merupakan penyumbang terbesar kepada pencemaran tersebut iaitu 278 tan sehari untuk BOD,

354 tan sehari (SS) dan 184 tan sehari (AN).

Beliau berkata, lembangan Sungai Klang dan Sungai Perak merupakan sungai yang paling banyak menerima sisa buangan ketiga-tiga parameter pencemaran tersebut.

“Melindungi dan memelihara alam sekitar bukanlah sesuatu yang mudah malahan tugas tersebut bukan tertumpu kepada JAS saja tetapi ia perlu dijadikan gaya hidup dan amalan semua rakyat,” ujarinya.